A

Siti Nurbaya bt Abdul Wahab lwn Panglima Angkatan Tentera dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO DA-25–11–11 TAHUN 2015
AHMAD BACHE PK
28 FEBRUARI 2017

C *Undang-Undang Pentadbiran — Certiorari — Penamatan — Pemohon seorang anggota tentera ditamatkan perkhidmatan — Sama ada Majlis Angkatan Tentera mempunyai hak untuk menamatkan perkhidmatan pemohon — Sama ada pemohon mempunyai hak untuk didengar — Sama ada doktrin 'condonation' terpakai — Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma*
D *Perkhidmatan Bagi Angkatan Tentera Tetap) 2013 peraturan 61(1)(n)*

Pemohon merupakan bekas anggota tentera berpangkat Lans koperal yang telah ditamatkan perkhidmatan. Pada 22 April 2014, satu laporan Pegawai Perubatan Kanan Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, telah diterima oleh
E pihak pegawai pemerintah, mengenai kes melahirkan anak tidak sah taraf (luar nikah) oleh pemohon. Pada 29 September 2014, pemohon telah dibicarakan terus di hadapan pegawai pemerintah pasukan dan di akhir kes, pemohon telah membuat rayuan untuk menamatkan perkhidmatan sama dengan tarikh tamatnya perkhidmatan pemohon iaitu pada 2 Disember 2016. Satu surat
F amaran sah seterusnya dikeluarkan terhadap pemohon. Rentetan daripada itu, pemohon telah didapati bersalah kerana terbukti kehamilan tersebut adalah tidak sah taraf, ekoran daripada perbuatan dirinya sendiri tanpa memikirkan kepentingan perkhidmatan dan risiko yang dihadapi olehnya dan sekali gus telah melakukan suatu kesalahan yang memudaratkan perkhidmatan tentera.
G Maka pihak pegawai pemerintah, berpandukan arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Markas Tentera Darat dan Markas Formasi telah mengesyorkan dan menyokong agar anggota diberhentikan dari perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tentera Tetap)
H 2013 ('Peraturan tersebut'). Pada 17 Oktober 2014, Timbalan Panglima Tentera Darat telah meluluskan permohonan pemberhentian pemohon di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan tersebut, demi kepentingan perkhidmatan. Melalui satu surat bertarikh 31 Oktober 2014, Markas Tentera Darat melalui Bahagian Perkhidmatan Anggota telah memaklumkan bahawa
I pemohon telah ditamatkan perkhidmatan di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013 dan kekal berkuat kuasa pada 17 Oktober 2014. Pemohon seterusnya telah memfailkan tindakan semasa bagi memohon perintah certiorari untuk membatalkan pemberhentiannya daripada perkhidmatan

yang dilaksanakan oleh responden ke atas pemohon. Isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kuasa dan delegasi kuasa oleh Majlis Angkatan Tentera, hak untuk didengar dan pengampunan.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos sebanyak RM500:

(1) Segala tindakan telah diambil dalam melaksanakan tindakan pemberhentian pemohon adalah secara tersirat telah dibuat bagi pihak dan mewakili Majlis Angkatan Tentera sebagaimana tafsiran Akta Angkatan Tentera 1972 serta Undang-Undang dan Peraturan yang berkuat kuasa untuk Kawal Selia Kod dan Urus Tadbir Perkhidmatan Angkatan Tentera di Malaysia (lihat perenggan 29).

(2) Tiada satu pun peruntukan di dalam Akta Angkatan Tentera 1972 dan Perlembagaan Persekutuan yang mewajibkan seseorang anggota perlu diberi hak untuk melalui apa-apa proses perbicaraan dan pendengaran kes sebelum ianya diberhentikan oleh Majlis Angkatan Tentera. Hak pendengaran sebagai mana tertera dalam perkara 135 Perlembagaan Persekutuan yang terpakai kepada perkhidmatan awam lain jelas tidak terpakai kepada pemberhentian untuk perkhidmatan anggota tentera (lihat perenggan 33).

(3) Doktrin 'condonation' adalah sama sekali tidak terpakai dalam kes semasa kerana surat amaran telah dikeluarkan kepada pemohon sebagai hukuman yang diperuntukkan di bawah s 97 Akta 77, setelah pertuduhan dibacakan dan setelah permohon membuat rayuan kepada pegawai pemerintah (lihat perenggan 38).

(4) Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan secara merit, sama ada pembuangan kerja pemohon tersebut adalah satu tindakan yang betul atau tidak. Responden telah pun bertindak di dalam bidang kuasanya mengikut undang-undang dan prosedur-prosedur yang sah untuk menamatkan perkhidmatan pemohon (lihat perenggan 43).

[English summary

The applicant in this case was an ex armed forces who had been terminated from her service. On 22 April 2014, the commanding officer had received a report from a senior medical officer of LapanganTerbang Sungai Petani Camp concerning a case of a child born out of wedlock by the applicant. On 29 September 2014, the applicant had been tried summarily by her commanding officer and at the end of the case, the applicant made an appeal for her service to be terminated at the same date with her last date of service on 2 December 2016. A warning letter was then issued to the applicant. The applicant was found liable as the pregnancy was out of wedlock, arising out of his own conduct without contemplating the importance of her service and the risks posed by her and also committed an offence which prejudicial to military service. As such, the commanding officer, based on the order made by Army

A Head Quarters and Formation Head Quarters, recommended and suggested that the applicant's service in the armed forces to be terminated pursuant to reg 61(1)(n) of the Armed Forces (Terms of Service of Regular Forces) Regulations 2013 ('the Regulations'). Deputy Chief of Army approved the termination for the interest of the army. Through a letter dated 31 October B 2014, the Army Headquarters through Member Services Division had informed that the applicant had been terminated under reg 61(1)(n) of the Regulations and remained in force on 17 October 2014. Subsequently, the applicant had filed the present action for a certiorari order to revoke her termination from the service, which was conducted by the respondent on the C applicant. The issues raised were related to the power and authority delegation by the Armed Forces Council, the right to be heard and condonation.

Held, dismissing the application with cost of RM500:

D (1) All the actions taken in terminating the applicant's service was impliedly made on behalf of Armed Forces Council as interpreted by the Armed Forces Act 1972 ('the Act') as well as the Laws and Regulations in force for the Regulation of the Armed Forces and the Armed Services Administration in Malaysia (see para 29).

E (2) There was no provision in the Act and Federal Constitution that made it compulsory for an army to be given right to be heard before being dismissed by Armed Forces Council.The right to be heard under art 153 of the Federal Constitution was clearly not applicable to the armed forces (see para 33).

F (3) The doctrine of condonation was clearly not applicable in the present case as the warning letter had been issued to the applicant as a punishment under s 97 of the Act after the charge had been read to the applicant and the applicant appealed to the commanding officer (see para 38).

G (4) The court had no jurisdiction to determine on the merit whether the dismissal of the applicant was right or not. The respondent had acted lawfully within his power based on valid laws and procedures in dismissing the applicant (see para 43).]

H **Nota-nota**

Untuk kes mengenai penamatan, lihat 1(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 21.

I **Kes-kes yang dirujuk**

Abdul Salam bin Husin v Majlis Angkatan Tentera & Anor [2011] 2 MLJ 573; [2011] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)

Harpers Trading (M) Sdn Bhd v National Union of Commercial Workers [1991] 1 MLJ 417, MA (dirujuk)

Mejar Ali Zaman bin Ali Hassan v Captain Abdul Kadir & Anor [1989] 3 MLJ 32, MT (dirujuk)

Public Services Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (substituting M Senthivelu a/l R Marimuthu, deceased) [2008] 6 MLJ 1, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Angkatan Tentera 1972 ss 89(2)(d), 97, 97(3), 98, 146(c)
Akta Keterangan 1950 ss 56, 57
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 40, 67
Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Bidangkuasa Terus) 1976 peraturan 12
Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tentera Tetap) 2013 peraturan 61, 61(1)(n)
Perlembagaan Pesekutuan perkara 135, 137, 137(1)

Hj Marwalis (Shahruddin bersamanya) (Shaharuddin Hidayu & Marwaliz) bagi pihak pemohon.

Nurliyana bt Md Zukri (Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak responden.

Ahmad Bache PK:

LATAR BELAKANG

[1] Ini merupakan rayuan pihak pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini yang diberikan pada 30 November 2016 yang telah menolak permohonan pihak pemohon bagi perintah certiorari untuk membatalkan pemberhentiannya daripada perkhidmatan, yang dilaksanakan oleh responden ke atas pemohon, berkuat kuasa pada 17 Oktober 2014, dengan kos sebanyak RM500.

[2] Melalui semakan kehakiman ini, pemohon memohon perintah sebagaimana berikut:

(a) perintah certiorari bagi membatalkan pemberhentian daripada perkhidmatan dibuat oleh responden ke atas pemohon berkuat kuasa pada 17 Oktober 2014;

(b) perintah deklarasi bahawa pemberhentian daripada perkhidmatan dibuat oleh responden ke atas pemohon berkuat kuasa pada 17 Oktober 2014 adalah batal, tidak sah dan tiada efek;

(c) perintah bahawa pemohon dikembalikan ke jawatan Angkatan Tentera Malaysia ('ATM') dengan pangkat asalnya sebelum pada pemberhentian daripada perkhidmatan yang dikenakan oleh responden;

A (d) suatu perintah bahawa pemohon layak menerima semula semua pembayaran gaji, elaun, emolumen, pampasan pencen, pencen bulanan dan segala bayaran yang beliau layak terima mengikut skim perkhidmatannya serta peluang kenaikan pangkat dan kekananan;

B (e) kos permohonan ini; dan

(f) apa-apa relif yang difikirkan suaimanfaat oleh mahkamah.

FAKTA KES

C **[3]** Pemohon merupakan seorang bekas angota tentera berpangkat Lans Koperal yang telah ditamatkan perkhidmatannya yang mempunyai tempat terakhir bertugas di Pasukan 6, Kompeni Ordans Diraja, Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani Kedah.

D **[4]** Pada 22 April 2014, satu laporan oleh Mejar Dr Mohd Azmi bin Che Azmi, Pegawai Perubatan Kanan Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, telah diterima oleh pihak pegawai pemerintah, Mejar Mohd Safri bin Zakri mengenai kes melahirkan anak tidak sah taraf (luar nikah) oleh pemohon.

E **[5]** Laporan tersebut turut menyatakan bahawa pemohon telah disahkan mengandung anak tidak sah taraf pada 11 September 2013 dengan umur kandungan 30 minggu. Ujian mengandung telah dibuat di Makmal 807 RSAT, Sungai Petani atas arahan Kapt (Dr) Nur Hidayah binti Shamsudin.

F **[6]** Pemohon telah membuat pemeriksaan kandungan pada 17 September 2013 hingga 31 Oktober 2013 di 807 RSAT Sungai Petani dan seterusnya pemohon telah membuat pemeriksaan di Klinik Kesihatan di Melaka. Pemohon telah selamat melahirkan bayi perempuan seberat 3kg pada 25 November 2013 di Hospital Besar Melaka.

G **[7]** Pada 29 September 2014, pemohon telah dibicarakan terus di hadapan pegawai pemerintah pasukan iaitu Mejar Mohd Safri bin Zakri dengan satu pertuduhan.

H **[8]** Di akhir kes pemohon telah membuat rayuan untuk supaya menamatkan perkhidmatannya sama tarikh dengan tarikh tamatnya perkhidmatan pemohon iaitu pada 2 Disember 2016. Satu surat amaran sah seterusnya dikeluarkan terhadap pemohon.

I **[9]** Ekoran daripada itu pemohon telah didapati bersalah kerana terbukti kehamilan tersebut adalah tidak sah taraf, ekoran daripada perbuatan dirinya sendiri tanpa memikirkan kepentingan perkhidmatan dan risiko yang dihadapi olehnya dan juga telah melakukan suatu kesalahan yang memudaratkan

perkhidmatan tentera. Maka pihak pegawai pemerintah, berpandukan arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Markas Tentera Darat dan Markas Formasi telah mengesyorkan dan menyokong agar anggota diberhentikan dari perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tentera Tetap) 2013.

[10] Pada 17 Oktober 2014 Timbalan Panglima Tentera Darat, Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi telah meluluskan permohonan pemberhentian pemohon di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tentera Tetap) 2013, yakni demi kepentingan perkhidmatan. Pemohon, seperti yang dinyatakan tadi, sebenarnya memohon agar ditamatkan perkhidmatannya berkuat kuasa 2 Disember 2016 iaitu sama tarikh tamatnya tempoh perkhidmatan beliau di dalam Angkatan Tentera selama 15 tahun.

[11] Namun, melalui satu surat bertarikh 31 Oktober 2014, Markas Tentera Darat melalui Bahagian Perkhidmatan Anggota telah memaklumkan bahawa pemohon telah ditamatkan perkhidmatan di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013 dan kekal berkuat kuasa pada 17 Oktober 2014.

KES PEMOHON

[12] Pada 7 Septmeber 2013, pemohon diarahkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan. Pemohon didapati mengandung tujuh bulan berdasarkan ujian saringan air kencing. Pemohon kemudiannya dikecualikan daripada segala tugas dan ditumpangkan di 807 RSAT sehingga melahirkan anak.

[13] Pada 25 Februari 2014 pemohon telah melapor diri bertugas selepas melahirkan anak. Pemohon telah dipanggil oleh Pegawai Tadbir untuk memberi keterangan berkaitan kronologi kes pemohon yang telah mengandung tanpa sah taraf (luar nikah) dan seterusnya dimajukan kepada Kor Ordinan Diraja. Pemohon seterusnya bekerja seperti biasa sebagai askar laskar.

[14] Pada 29 Ogos 2014, pertuduhan salah laku telah dikemukakan terhadap pemohon di hadapan pegawai pemerintah. Pemohon telah memohon antara lain agar ditamatkan perkhidmatan tetapi untuk berkuat kuasa pada 2 Disember 2016 iaitu sama tempoh perkhidmatan yang sepatutnya, iaitu 15 tahun. Pegawai pemerintah memaklumkan akan cuba

untuk membantu menunaikan permintaan pemohon tetapi tetap mengeluarkan surat amaran yang sah kepada pemohon.

[15] Pemohon telah bekerja sebagaimana biasa dan telah diminta untuk membuat pemeriksaan kesihatan dan ini telah dibuat oleh pemohon. Pada sekitar bulan Disember 2014, pemohon telah diminta untuk membuat kad pengenalan awam.

[16] Pemohon kemudiannya melantik peguam untuk mengetahui status pekerjaan pemohon. Pada 28 September 2015 pemohon menerima jawapan bahawa pemohon kekal telah ditamatkan perkhidmatan berkuat kuasa pada 17 Oktober 2014. Sebelum ini, pemohon tidak pernah dimaklumkan mengenai penamatan perkhidmatan pemohon dan pemohon telah bekerja seperti biasa dan menganggap pemohon tidak akan diberhentikan kerana pemohon dibenarkan bertugas seperti biasa selepas melapor diri daripada cuti bersalin.

[17] Peguam pemohon telah berhujah bahawa sebarang kuasa untuk menamatkan perkhidmatan ke atas pemohon adalah terletak kepada keputusan Majlis Angkatan Tentera berdasarkan peruntukan di bawah perkara 137(1) Perlembagaan Pesekutuan.

[18] Majlis Angkatan Tentera boleh memberikan kuasa kepada mana-mana pihak atasan pemohon khususnya pegawai pemerintah berkaitan perkara ini. Namun begitu, di dalam kes ini, peguam pemohon berhujah bahawa tiada sebarang fakta ataupun affidavit yang difailkan yang menyatakan bahawa penamatan perkhidmatan ini telah dilakukan oleh Majlis Angkatan Tentera atau mana-mana pihak yang diberikan kuasa oleh Majlis Angkatan Tentera untuk menamatkan perkhidmatan pemohon.

[19] Kes pemohon telah didengar *secara terus* oleh pegawai pemerintah dan pegawai pemerintah telah membuat pengesyoran agar pemohon diberhentikan dari perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013. Markas Tentera Darat Cawangan Sumber Manusia kemudiannya telah meluluskan pemberhentian pemohon.

[20] Peguam permohon berhujah bahawa pegawai pemerintah tidak boleh memutuskan secara terus berkaitan kesalahan di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013. Pegawai pemerintah hanya mempunyai kuasa untuk memutuskan secara terus kesalahan/pertuduhan di bawah peraturan 12 Armed Force (Summary Jurisdiction) Regulation 1976 ('AFSJ').

[21] Pegawai pemerintah juga tidak boleh membuat pengesyoran untuk pemohon diberhentikan perkhidmatan kerana bercanggah dengan s 97(3) Akta Angkatan Tentera (Akta 77) dan peraturan 12 AFSJ.

[22] Peguam pemohon juga berhujah bahawa pemohon di dalam kes ini tidak diberikan hak untuk didengar. Ini kerana hanya Mahkamah Tentera sahaja yang mempunyai bidangkuasa memutuskan hukuman pemberhentian kerja berdasarkan s 89(2)(d) Akta Angkatan Tentera (Akta 77).

[23] Peguam juga berhujah bahawa pemohon juga telah terus dibenarkan bekerja selepas selesai cuti bersalin. Pada masa yang sama turut menghadiri latihan dan kawad. Ini menunjukkan terdapatnya unsur kemaafan (*condonation*) terhadap pemohon berdasarkan s 146(c) Akta Angkatan Tentera (Akta 77).

KES RESPONDEN

[24] Secara ringkasnya pihak responden menghujahkan bahawa kebanyakan hujahan pemohon adalah tidak tepat dan bahawa pemberhentian perkhidmatan pemohon adalah teratur dan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada bagi anggota tentera. Prinsip 'rule of natural justice' tidak terpakai dalam kes-kes melibatkan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Ini akan mahkamah huraikan kelak.

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[25] Daripada kertas kausa, afidavit-afidavit serta hujahan yang difailkan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati bahawa terdapat tiga isu utama yang telah dibangkitkan oleh pihak pemohon seperti berikut:

(a) isu kuasa dan delegasi kuasa oleh Majlis Angkatan Tentera;

(b) isu hak untuk didengar; dan

(c) isu pengampunan (*condonation*).

Isu kuasa dan delegasi kuasa oleh Majlis Angkatan Tentera

[26] Pemohon diberhentikan/ditamatkan perkhidmatan di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013 yakni atas sebab demi kepentingan perkhidmatan. Untuk kemudahan, diperturunkan peruntukan tersebut:

> 61 Pemberhentian kerja
>
> (1) *Pihak berkuasa yang layak* boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan kerja mana-mana askar-asykar daripada perkhidmatan angkatan tetap atas alasan yang

A berikut:

(a) ...

(b) ...

B ...

(n) demi kepentingan perkhidmatan

4.10 Seksyen 2 Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77] mantafsirkan 'pihak berkuasa yang layak' bererti:

C Majlis Angkatan Tentera atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Majlis Angkatan Tentera bagi maksud itu.

[27] Di dalam kes ini, pemberhentian pemohon telah disyorkan oleh pegawai pemerintah pemohon dan telah diluluskan oleh Timbalan Panglima D Tentera Darat. Seterusnya pemakluman tentang pemberhentian pemohon ini telah ditandatangani oleh pegawai yang bertindak bagi pihak Panglima Tentera Darat Malaysia.

[28] Dari sudut undang-undang mengenai isu kuasa dan delegasi kuasa, E mahkamah dapati bahawa peruntukan undang-undang yang terpakai selain dari peraturan 61(1)(n) dan Akta 77 di atas, ialah PU(A) 183, dan perkara 137 Perlembagaan Malaysia. Perkara 137 berbunyi:

(1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Angkatan Tentera yang hendaklah F bertanggungjawab di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera, dan segala perkara lain yang berhubungan dengannya selain perkara yang berhubungan dengan penggunaan angkatan tentera bagi maksud operasi.

(2) Fasal (1) berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan mana-mana G undang-undang persekutuan, dan mana-mana undang-undang itu boleh membuat peruntukan bagi peletakhakan apa-apa fungsi mengenai angkatan tentera pada Majlis Angkatan Tentera.

(3) Majlis Angkatan Tentera hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu:

H (a) Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) seorang anggota yang mewakili Duli-Duli Yang Maha Mulia I Raja-Raja, yang hendaklah dilantik oleh Majlis Raja-Raja;

(c) Panglima Angkatan Tentera yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;

(d) seorang anggota preman, iaitu orang yang melaksanakan tugas jawatan Ketua Setiausaha Pertahanan, yang hendaklah bertindak

sebagai Setiausaha Majlis Angkatan Tentera; A

(e) dua orang pegawai turus kanan Angkatan Tentera Persekutuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

[29] Oleh itu segala tindakan yang telah diambil dalam melaksanakan tindakan pemberhentian pemohon adalah secara tersirat telah dibuat bagi pihak dan mewakili Majlis Angkatan Tentera sebagaimana tafsiran Akta Angkatan Tentera 1972 serta undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa untuk Kawal Selia Kod dan Urus Tadbir Perkhidmatan Angkatan Tentera di Malaysia seperti yang dinyatakan tadi. B C

[30] Isu delegasi tersebut secara tersirat ini telah dijelaskan oleh peruntukan ss 40 dan 67 Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Malahan ss 56 dan 57 Akta Keterangan 1950 juga telah memperuntukkan bahawa mahkamah untuk memberikan pengiktirafan kehakiman mengenai isu ini melainkan telah dibuktikan sebaliknya oleh pihak pemohon. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah diperturunkan seperti di bawah: D

Peruntukan s 40 Interpretation Acts 1948 dan 1967

(1) Where a written law confers a power on any person to do or enforce the doing of any act or thing, all such powers shall be understood to be also given as are reasonably necessary to enable the person to do or enforce the doing of the act or thing. E

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1) —

(a) power to make subsidiary legislation to control or regulate any matter includes power to provide for the same by licensing and power to prohibit acts whereby the control or regulation might be evaded; F

(b) power to grant a licence, permit, authority, approval or exemption includes power to impose conditions subject to which the licence, permit, authority, approval or exemption is granted; and G

(c) where a power is conferred on any person to direct, order or require any act or thing to be done, there shall be deemed to be imposed on any person to whom a direction, order or requisition is given in pursuance of the power a duty to comply therewith. H

Peruntukan s 67 Interpretation Act 1948

Every Act of Parliament, Ordinance and Enactment shall be a public Act of Parliament, Ordinance or Enactment, as the case may be, and shall be judicially noticed as such unless the contrary is expressly provided by the Act of Parliament, Ordinance or Enactment. I

[31] Berdasarkan kertas kausa, eksibit-eksibit dan hujahan yang dikemukakan adalah terbukti pemberhentian/penamatan perkhidmatan

pemohon merupakan tindakan rasmi Panglima Angkatan Tentera Malaysia sekaligus bermaksud Majlis Angkatan Tentera Malaysia dan Kerajaan Malaysia.

Isu hak untuk didengar

[32] Adalah jelas berdasarkan peruntukan undang-undang, Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) dan Peraturan-Peraturan berkenaan, memberi kuasa bagi 'pihak berkuasa yang layak' pada bila-bila masa, untuk memberhentikan kerja mana-mana askar-askar yakni pemohon daripada Perkhidmatan Angkatan Tetap atas alasan sebagaimana yang digariskan dalan peraturan 61 Peraturan-Peraturan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan Bagi Angkatan Tetap) 2013 termasuklah (n) iaitu atas sebab demi kepentingan perkhidmatan tanpa melalui sebarang proses perbicaraan atau pendengaran kes.

[33] Tiada satu pun peruntukan dalam Akta Angkatan Tentera 1972 dan Perlembagaan Persekutuan yang mewajibkan seseorang anggota perlu diberi hak untuk melalui sebarang proses perbicaraan dan pendengaran kes sebelum ianya diberhentikan oleh Majlis Angkatan Tentera. Hak pendengaran sebagaimana tertera dalam perkara 135 Perlembagaan Persekutuan yang terpakai kepada perkhidmatan awam lain jelas tidak terpakai kepada pemberhentian untuk perkhidmatan anggota tentera.

[34] Ini berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdul Salam bin Husin v Majlis Angkatan Tentera & Anor* [2011] 2 MLJ 573; [2011] 2 CLJ 1, di mana Hakim Mahkamah Persekutuan James Foong memutuskan bahawa:

(1) *Hak seorang anggota tentera untuk didengar sebelum pembuangan kerjanya telah digugurkan oleh perenggan 1 fasal 135 Perlembagaan Persekutuan.* Berbeza dengan ahli lain-lain perkhidmatan awam yang mempunyai hak istimewa sedemikian berdasarkan perenggan 2 fasal 135. anggota-anggota tentera tidak memiliki keistimewaan tersebut.

(2) *Sebab utama bagi rasional di sebalik pengguguran hak untuk didengar sebelum pembuangan kerja adalah diasaskan kepada fakta bahawa pentauliahan seseorang anggota tentera boleh dibuat atau dibatalkan pada bila-bila masa atas kehendak Seri Paduka Baginda, di mana Seri Paduka Baginda tidak bertanggungan untuk memberi sebab musabab baginya* (lihat *Re: Tufnell*, *Ridge v Baldwin*, *R v Governor of Darlington School*, *Government of Malaysia v Mahan Singh*). Selain itu, berdasarkan alasan kepentingan awam, anggota-anggota angkatan tentera memainkan peranan penting dalam pertahanan negara. Penerusan perkhidmatan seseorang ahlinya mungkin akan membahayakan kepentingan Negara dan sekaligus mengkompromikan keselamatannya. Juga, keperluan menjaga disiplin di kalangan anggota tentera adalah penting untuk memastikan angkatan tentera terus berfungsi dan efisyen. Sebarang

kompromi terhadapnya akan menjejaskan disiplin dan menggugat rantaian arahan yang diperlukan bagi mempertahankan Negara secara efektif. A

(3) *Undang-undang tertinggi Negara dan Akta Angkatan Tentera 1972 telah secara ekspres dan nyata menggugurkan hak untuk didengar sebelum pembuangan kerja bagi anggota-anggota angkatan tentera.* Pengguguran bukan hanya terhad kepada keadaan bilamana Yang di-Pertuan Agong membatalkan pentauliahan tetapi juga meliputi keadaan di mana Mailis Angkatan Tentera membincangkan tentang syor yang hendak dibuat. lanya mengikut bahawa, demi memberi kesan kepada objektif dan niat peruntukan undang-undang berkaitan, *pengguguran hak tersebut harus terpakai pada setiap masa dan di semua peringkat yang membawa kepada pembatalan pentauliahan. Keseluruhan proses, walaupun melibatkan banyak peringkat, tidak boleh dilihat secara berasingan dan peringkat demi peringkat atau sebagai merangkumi hak untuk didengar untuk peringkat-peringkat tertentu, kerana itu akan meniadikan perenggan 1 Perlembagaan Persekutuan dan s 9 Akta Angkatan Tentera 1972 tidak bermakna dan sia-sia.* B C D

[35] Mahkamah berpendapat segala hujahan pihak pemohon di atas isu bahawa pemohon sepatutnya diberi hak untuk didengar merupakan suatu percubaan untuk mengubah pemakaian dan interpretasi undang-undang khususnya bagi maksud Perlembagaan Persekutuan dan Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) mengikut interpretasi pemohon sendiri. Ini bertentangan dengan niat sebenar Perlembagaan dan Akta tersebut bahawa seseorang anggota tentera tidak mempunyai hak untuk didengar sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang dinyatakan di atas. E F

[36] Perlu ditekankan di sini bahawa Mahkamah Persekutuan telah menyatakan di dalam kes *Abdul Salam* bahawa adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk 'to give effect to the provisions of the Federal Constitution and statutory laws without attempting to modify and qualify them, particularly where there was no ambiguilty'. G H

[37] Namun begitu jika diteliti afidavit sokongan pemohon di perenggan 4.8 sendiri, peluang telah diberi kepadanya apabila beliau telah dibicarakan secara terus oleh pegawai pemerintah. Menurut peraturan 12 Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Bidangkuasa Terus) dan pegawai tersebut boleh menjatuhkan hukuman mengikut peruntukan di bawah ss 97 dan 98 (Akta 77). I

Isu pengampunan (condonation)

[38] Jelas di sini bahawa doktrin 'condonation' adalah sama sekali tidak terpakai dalam kes semasa kerana surat amaran telah dikeluarkan kepada pemohon sebagai hukuman yang diperuntukan di bawah s 97 (Akta 77), setelah pertuduhan dibacakan dan setelah pemohon membuat rayuan kepada pegawai pemerintah.

[39] Prinsip ini dijelaskan dalam kes *Public Services Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (substituting M Senthivelu a/l R Marimuthu, deceased)* [2008] 6 MLJ 1 di mana Tun Zaki Tun Azmi PCA telah memutuskan sebagaimana berikut:

> [39] ... Condonation in the context of employment contract is an act by the employer to excuse or forgive him for the wrongful act committed by the employee. Condonation can be in the active form ie by the act of telling the person that he has been forgiven for the wrongful act done or by a passive act of not taking any action. *Halbury's Law of England* (4th Ed) Vol 16 at p 439 para 648 describes condonation as follows: An employer who with full knowledge of his employee's misconduct elects to continue with him in service cannot subsequently dismiss him for the offence which he has condoned.

PENUTUP

[40] Oleh yang demikian berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan mahkamah memutuskan bahawa pemohon telah ditamatkan perkhidmatannya secara sah di bawah peraturan 61(1)(n) Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera 2013 dan menurut undang-undang yang termaktub di dalam Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) serta Perlembagaan Persekutuan.

[41] Berdasarkan kes *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v National Union of Commercial Workers* [1991] 1 MLJ 417 Mahkamah Agung menyatakan sebagaimana berikut:

> Judicial Review is not an appeal from a decision but a review on the manner in which the decision was made and the High Court is not entitled on an application for judicial review to consider the decision itself, on the merits of the facts, was fair and reasonable.

[42] Di dalam kes *Mejar Ali Zaman bin Ali Hassan v Captain Abdul Kadir & Anor* [1989] 3 MLJ 32, Hakim Edgar Joseph Jr memutuskan sebagaimana berikut:

> ... I have reminded myself that the High Court is not a court of appeal in relation to the court martial whose decision is under review.

[43] Oleh yang demikian, mahkamah ini tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan secara merit, sama ada pembuangan kerja pemohon tersebut

adalah satu tindakan yang betul atau tidak. Responden telah pun bertindak di dalam bidangkuasanya mengikut undang-undang dan prosedur-prosedur yang sah untuk menamatkan perkhidmatan pemohon. Oleh yang demikian permohonan semakan ini ditolak dengan kos sebanyak RM500.

Permohonan semakan ditolak dengan kos sebanyak RM500.

Reported by Kamarul Anwar